

# Jelajah Komunikasi Ke Kampung Binuwou

Oleh Dayang Nur Ain

Keningau, 19 April - Mohd. Hafiz bin Rosli, Pengerusi Jawatan Kuasa Kampung Binuwou telah merasmikan majlis penutupan Program Kembara Media Borneo di balai raya Kampung Binuwou yang telah dianjurkan oleh Kelab Komunikasi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program ini melibatkan pelajar Komunikasi tahun 1, 2 dan 3 serta warga Kampung Binuwou kerana program ini adalah merupakan satu program kemasyarakatan yang membolehkan warga kampung menjadikan para pelajar sebagai anak angkat mereka selain membuat aktiviti kepada pelajar sekolah rendah yang juga menjadi peserta dalam aktiviti program yang dijalankan.

Menurut Nurul Nazihah selaku pengarah program Kembara Media Borneo dan juga pelajar tahun akhir jalur kewartawanan dan penyiaran, beliau amat terharu atas sokongan dan sambutan orang kampung

sepanjang program ini kerana amat alu-alukan kedatangan mereka ke kampung tersebut serta banyak membantu dalam menjayakan keseluruhan aktiviti program. Aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini adalah lebih kepada memberikan motivasi dan melahirkan semangat untuk menimbal ilmu kepada peserta serta pelajar juga turut memberi pengenalan kepada pelajar tentang keadaan suasana pembelajaran dan kawasan persekitaran UMS.

Hubungan antara keluarga angkat dan pelajar semakin erat lagi dengan aktiviti yang dijalankan seperti sukaneka, riadah pagi dan petang serta aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sekitar kampung.

Kembara Media Borneo yang berlangsung selama 3 hari ini merupakan aktiviti tahunan bagi pelajar Komunikasi yang juga merupakan kesinambungan daripada program Baktasiswa UMS.



Kenangan : Pelajar Komunikasi UMS bergambar bersama keluarga angkat.